

20/11/1997

Penduduk diingat ambil berat persekitaran

MIRI, Rabu - Penduduk negeri ini diingatkan sentiasa mengambil berat mengenai persekitaran masing-masing, selain berusaha menanam lebih banyak pokok bagi mewujudkan suasana kehidupan lebih selesa dan nyaman.

Berucap melancarkan Hari Arbor di sini, Isteri Ketua Menteri, Puan Sri Laila Taib, berkata penduduk Sarawak boleh dianggap bertuah kerana masih dapat menikmati suasana hidup yang selesa, walaupun negeri ini mengalami pembangunan pesat.

Menurutnya, sikap lalai dan tidak berminat untuk menjaga persekitaran harus dikikis, kerana ini boleh menyumbang kepada kemusnahan sekali gus menjejaskan tahap kehidupan penduduk keseluruhannya.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan pokok kepada beberapa pertubuhan dan syarikat swasta.

Sempena pelancaran program itu juga sebanyak 200 pokok palma kuning ditanam di sekitar daerah ini.

Hadir sama Residen Miri, Peter Nyaed Juses dan Pengerusi Majlis Perbandaran Miri, Wee Han Wen.

Laila berharap pihak berkuasa tempatan di negeri ini mengambil langkah tegas untuk memastikan setiap pokok yang ditanam di kawasan masing-masing sentiasa terpelihara.

Beliau berkata, pelancaran projek penanaman pokok peringkat kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Mac lalu, seharusnya mendapat sokongan semua pihak agar ia menepati objektif.

"Kesedaran perlu ada pada setiap penduduk bagi memastikan projek murni seperti itu berjaya dan menepati matlamat," katanya.

Laila berharap lebih banyak pihak swasta akan tampil untuk menjayakan projek penanaman pokok di negeri ini bagi memastikan Sarawak terus menjadi negeri yang paling indah dan bersih.

(END)